PERPUSTAKAAN TUN DR. ISMAIL UiTM CAWANGAN JOHOR BIL 8/2015

WAHANA LESTARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PTDi
MEMBUDAYAKAN ILMU AMALAN KAMI

KIK AKAR Melakar Nama Di Peringkat KIK UiTM Kali Ke 19

Kemenangan terbesar Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) AKAR 2014, telah mengharumkan nama PTDI khususnya dan UiTM Cawangan Johor amnya, apabila kumpulan ini telah merangkul **JOHAN KESELURUHAN** sempena Konvensyen KIK UiTM Kali ke 19 di A'Famosa Resort Melaka pada 20 hingga 22 Oktober 2014.

Antara kemenangan lain yang turut dirangkul adalah **ANUGERAH EMAS, ANUGERAH INOVASI TEKNIKAL TERBAIK**, dan **ANUGERAH FASILITATOR TERBAIK (Puan Norme Binti Haji Salleh, Pembantu Perpustakaan).**

Semoga Kumpulan AKAR PTDI terus berusaha mencetuskan idea-idea kreatif bagi menghasilkan inovasi yang memberi impak yang positif.

Dapatkan berita menarik di dalam...

Sidang Redaksi

Penaung	:	*Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Azizan bin Abdullah*
Penasihat	:	*Puan Maznah binti A. Hamid*
Pengarang	:	*Puan Siti Rozana binti Mat Sanat*
		Encik Mohd Hafiz binti Kasirun
		Puan Mawar Noor binti Abdullah
		Encik Idris bin Muhammad
		Cik Nor Azelea binti Mohd Azahar
Editor	:	*Encik Abdul Razak bin Abu*
		Encik Roslan bin Mohd Nor
Percetakan	:	*Puan Norme binti Hj Saleh*
Rekaletak/Konsep	:	*Encik Mohd Danial bin Daud*
		Saudari Norazra binti Rahmat
		(Pelajar Praktikal Feb - Jun 2015)
		Saudari Nur Areena Aqilah binti Mohd Sapri
		(Pelajar Praktikal Ogos - Disember 2015
Edaran	:	*Encik Juharie bin Jemain*

TINTA PUSTAKAWAN

BANTU-MEMBANTU ADALAH AMALAN YANG TERPUJI

Oleh : Mohd Hafiz bin Kasirun



Tolong-menolong atau bantu-membantu adalah satu sikap dan sifat yang terpuji yang perlu ada dalam diri seseorang individu. Dengan tolong- menolong antara satu sama lain kita akan dapat membina hubungan yang baik sesama manusia. Tolong- menolong juga dapat memupuk rasa kasih sayang antara jiran tetangga, antara kawan, dan masyarakat.

Rasulullah S.A.W bersabda: "Sesiapa yang melepaskan satu kesusahan saudara Muslimnya daripada kesusahan dunia, Allah akan melepaskan darinya kesusahan pada hari akhirat. Sesiapa yang memudahkan urusan saudaranya, Allah akan memudahkan urusan dunia dan akhiratnya. Sesiapa yang menutup satu keaiban saudaranya di dunia, Allah akan menutup keaibannya di dunia dan di akhirat. Allah membantu hamba-Nya selama mana hamba itu menolong saudaranya".

Maka memang tidak salah jika disebut bahawa kita perlu bantu-membantu antara satu sama lain agar kehidupan kita akan lebih aman dan harmoni seterusnya membina satu ukhuwah atau persefahaman yang harmoni dikalangan sesama manusia.

Persoalannya bagaimana dengan sifat amanah dalam diri penjawat awam yang berkhidmat di sektor awam di negara ini? Sejauh manakah mereka menyedari soal amanah dan tanggungjawab terutama dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat?

Berapa ramai pula daripada pekerja itu beramanah dengan bekerja bersungguh-sungguh, berdisiplin, menepati waktu bekerja atau hanya bekerja sambil lewa atau berasa selesa di tempat kerja tanpa melakukan sebarang tugas yang diberikan dengan cemerlang dan mengikut KPI yang telah ditetapkan sepanjang tahun?

Bayangkan sebagai pekerja selama lapan jam atau satu pertiga daripada kehidupan seharian kita dihabiskan di tempat kerja. Ini bermakna setiap hari yang dilalui seharusnya kita memperbetulkan niat kita bekerja kerana Allah dalam mengisi setiap usaha dan ikhtiar untuk mencapai amanah diri dalam pekerjaan.

Sebagai pekerja Muslim yang telah diberikan amanah, kepercayaan dan tanggungjawab yang besar seharusnya kita berusaha mencapainya dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh; apatah lagi kita menyedari bahawa hasil daripada pendapatan itulah yang akan menjadi sumber rezeki yang halal dan punca kepada kebahagian untuk diri dan kesejahteraan keluarga kita sendiri.

Maka, setiap dari kita perlulah bantu-membantu antara satu sama lain dengan cara memberi semangat kepada sahabat-sahabat atau rakan sekerja supaya memberikan 100% komitmen terhadap kerja yang sedang dilakukan.

Janganlah terlalu berkira atau mengungkit bila mana pertolongan atau huluran bantuan diberikan atau telah diberikan di masa akan datang kerana bantuan dan pertolongan yang telah diberikan sebelum ini akan menjadi sia-sia dan tiada ganjaran di si Allah S.W.T.

Konsep bantu membantu antara satu sama lain atau antara rakan sekerja hendaklah dilakukan dengan ikhlas tanpa mengharapkan balasan dari mereka yang di bantu tersebut. Ini kerana, bantuan atau pertolongan yang diberikan tanpa meminta balasan adalah satu sikap terpuji yang perlu diterapkan dalam diri setiap penjawat awam.

Dalam konteks persekitaran kerja di perpustakaan, bukan hanya bantu-membantu ketika program gotong-royong sahaja malahan perlu diperluaskan konsep bantu-membantu antara rakan sekerja. Seperti contoh, membantu staf yang bertugas di kaunter perkhidmatan bilamana kita melihat pelajar atau staf yang ingin membuat pinjaman dan pemulangan beratur panjang. Selain itu juga, staf perpustakaan perlulah sentiasa memberikan bantuan kepada pelajar atau pengguna perpustakaan bila mana bantuan diperlukan seperti pencarian bahan menggunakan OPAC, pertanyaan berkenaan dengan EQPS, Online Databases, eQuip dan lain-lain lagi.

Diharapkan bersama-samalah kita bantu-membantu antara satu sama lain di kalangan kita dan dalam masa yang sama dapat meringankan beban tugas seseorang dengan seikhlas hati tanpa mengharapkan balasan kecuali ganjaran pahala di sisi Allah S.W.T.

Wallahua'lam.